



**SUKAN  
VARSITI**

ARENA mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di peringkat Kolej/IPTA/IPTS. Hantarkan berita dan gambar ke [sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my).

HEBAT...Mustaza (tengah) bersama pasukan silat UiTM yang mempamerkan prestasi cemerlang.

# UiTM kuasai Masum 2

Kutip 12 pingat emas, lima perak dan tujuh gangsa; silat pamer aksi mantap sumbang pingat terbanyak

>>Oleh Mohd Amin Jalil  
[sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my)

**K**ONTINJEN Universiti Teknologi Mara (UiTM) mempamerkan aksi mantap untuk muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) fasa dua di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

(UTHM) Batu Pahat Johor, baru-baru ini.

Pasukan terbabit mengungguli kejohanan itu selepas mengutip 12 pingat emas, lima perak dan tujuh gangsa manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil naib johan diikuti tuan rumah, UTHM di tempat ketiga.

Atlet Silat UiTM beraksi cemerlang dengan mengutip

empat emas, dua perak dan lima gangsa manakala pasukan bola keranjang lelaki dan ping pong wanita UiTM mencipta sejarah apabila buat pertama kalinya menjadi juara.

Acara lain yang turut menyumbang pingat emas ialah bola baling lelaki dan wanita, sofbol wanita, ping pong lelaki, ragbi dan boling padang

lelaki manakala pingat perak dimenangi menerusi acara hoki wanita dan boling padang wanita bagi acara sofbol lelaki dan boling padang.

Ketua Kontinjen UiTM, Mohd Fisol Saud berkata, antara faktor penyumbang pingat ialah komitmen dan semangat juang tinggi setiap atlet.

"Saya puas hati terhadap komitmen dan kesungguhan

atlet yang mempamerkan aksi mantap untuk mendominasi setiap acara disertai. Syabas kepada mereka yang berjaya menjulang nama pasukan," katanya.

Kejohanan sukan kali ini membabitkan penyertaan hampir 3,000 atlet dan pegawai daripada 20 institut pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh Malaysia.

Majlis penutup disempurnakan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim.

Hadir sama, Pengerusi Masum, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur, Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Saharudin Ismail dan Pengarah Pusat Sukan UiTM, Mustaza Ahmad.